

BALANCE TRANSFER ONE-TIME FEE

Last updated on 15 July 2021

The Balance Transfer One-Time Fee Terms and Conditions (“**BT OTF T&Cs**”) herein below are to be read together with the Hong Leong Bank’s (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) Cardholder Agreement (“**the Agreement**”).

TERMS & CONDITIONS

The following sets out the BT OTF T&Cs.

ELIGIBILITY

1. The Balance Transfer One-Time Fee (“**BT OTF**”) is open to all existing principal cardholders of HLB credit card (“**Credit Card**”) whose credit card accounts are in good standing and/or not delinquent (“**Eligible Cardholders**”).
2. The following shall NOT be eligible for BT OTF application:
 - (a) Principal cardholders who have committed or are suspected of committing any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to any of the facilities granted by HLB or Hong Leong Islamic Bank Berhad (20050109144 (686191-W)) (“**HLISB**”); or
 - (b) Principal cardholders who have been declared bankrupt (pursuant to a petition by either banks or by any third parties) or is subject to any bankruptcy proceedings at any time prior to, during or after BT OTF application.
3. HLB reserves the right to disqualify the Eligible Cardholders from applying BT OTF if their Credit Card accounts are blocked or in default.

MECHANICS

4. The BT OTF allows Eligible Cardholders to transfer their credit card balance from other Banks to their HLB Credit Card account; or to credit the BT OTF Approved Amount (defined under Clause 5) to their personal current or savings account (“**CASA**”) maintained with either HLB or with other banks in Malaysia via InterBank GIRO (“**IBG**”).
5. The minimum amount to be applied for BT OTF is set out in Table 1 (“**Minimum BT OTF Amount**”) and the maximum amount is 90% of the Eligible Cardholders’ existing available credit limit, subject to HLB’s approval. The amount approved by HLB pursuant to this BT OTF programme shall be called “**BT OTF Approved Amount**”.
6. If HLB approves an Eligible Cardholder’s application, upon approval the BT OTF Approved Amount shall be transferred to the Eligible Cardholder’s BT OTF account (“**BT OTF Account**”).
7. The Eligible Cardholders shall not be entitled to any rewards points or cash rebates for the BT OTF programme.
8. The “**BT OTF Plan**” available and the “**BT OTF Repayment Period**”, “**Minimum BT OTF Amount**”, “**BT OTF Rate**” and “**BT OTF Interest Rate**” are defined in Table 1 below.

Table 1

BT OTF Plan	BT OTF Repayment Period	Minimum BT OTF Amount	BT OTF Rate	BT OTF Interest Rate
A	6 months	RM1,000	3%	0% p.a.
B	12 months		5%	

9. The applications for BT OTF can be submitted via online at HLB Connect Online Banking, HLB Connect App, HLB Branches and other channels notified otherwise. The Eligible Cardholders will be notified either via letter, email or Short Message System (“**SMS**”) based on the correspondence/email addresses and contact numbers captured in HLB’s system once their BT OTF applications have been approved.
10. Upon approval of the BT OTF application, a one-time upfront fee (“**One-Time Fee**”) will be billed to the Eligible Cardholders’ BT OTF Account, which will be reflected on the following month Credit Card statement. The One-Time-Fee is calculated based on the following formula:

$$BT\ OTF\ Approved\ Amount \times BT\ OTF\ Rate\ of\ the\ selected\ BT\ OTF\ Plan$$

11. The corresponding amount of the Eligible Cardholders’ existing available credit limit will be reduced to the extent of the BT OTF Approved Amount. The available credit limit will be progressively restored when the Eligible Cardholders repay the BT OTF Approved Amount according to the selected BT OTF Repayment Period as set out in Table 1 above. HLB shall not be liable for any Credit Card transactions rejected by merchants due to insufficient credit limit arising therefrom.
12. Upon expiry of the BT OTF Repayment Period, any Outstanding Balance in the BT OTF Account will be subject to an interest of 18% p.a. calculated on a daily basis until the date of full repayment.
13. The Eligible Cardholders shall pay the Minimum Payment as stated in the Credit Card monthly statement by the payment due date. “**Minimum Payment**” is defined as:
 - (a) 5% of the Outstanding Balance in the BT OTF Account and the Credit Card account billed to the respective Credit Card monthly statement; or
 - (b) Ringgit Malaysia Fifty (RM50),whichever is higher.

For the avoidance of doubt, “**Outstanding Balance**” means the outstanding balance due including fees, accrued interest, finance charges and other charges.

14. If the Eligible Cardholders default in paying the Minimum Payment, an additional late payment fee of 1% will be charged on the Outstanding Balance as reflected on the Credit Card account and BT OTF Account, subject to a minimum of Ringgit Malaysia Ten (RM10), or a maximum of Ringgit Malaysia One Hundred (RM100), whichever is higher.
15. Upon occurrence of any of the following events:
 - (a) the Eligible Cardholders breach any of the BT OTF T&Cs as well as the prevailing terms and conditions of the Agreement;
 - (b) the Eligible Cardholders’ Credit Card account and/or BT OTF Account are in default for ninety (90) days and above; and/or
 - (c) the Eligible Cardholders’ Credit Card account and/or BT OTF Account are cancelled or terminated before the expiry of the BT OTF Repayment Period,

the Outstanding Balance of the BT OTF Approved Amount shall immediately become due and payable and the Eligible Cardholders shall forthwith settle the Outstanding Balance. Otherwise, the approved BT OTF Interest Rate will be retracted and an interest of 18% p.a. will be charged on the Outstanding Balance in the BT OTF Account on daily basis until the date of full repayment. Except if the BT OTF was applied under Hong Leong Platinum Business Card, the Outstanding Balance will be treated as if the amount was charged from a retail transaction where the prevailing finance charges based on Tiered Pricing Structure shall be levied.

16. Pending the approval of the BT OTF applications, the Eligible Cardholders shall continue to be liable to make payment to their other credit card or charge card accounts with the respective issuing financial institutions and/or companies in accordance with the terms governing the same. HLB shall

not be liable for interest on any overdue payment and/or any finance charges incurred as a result of the Eligible Cardholders' and/or HLB's failure or delay in making payment to the other credit card or charge card accounts with the respective issuing financial institutions and/or companies.

17. Subject to the clauses above and the total prescribed credit limit of the Eligible Cardholders' Credit Card account, the Eligible Cardholders may apply for a second BT OTF subject to HLB's approval, HLB's prevailing terms and conditions and standard BT OTF interest rates.

GENERAL

18. The Eligible Cardholders agree:
- (a) to have read, understood and to be bound by the BT OTF T&Cs herein;
 - (b) that HLB's decision on all matters relating to the BT OTF shall be final, conclusive and binding on all Eligible Cardholders;
 - (c) to access HLB's website at www.hlb.com.my ("**HLB's Website**") at regular intervals to view the T&Cs of the product and keep up-to-date on any changes or variations to the BT OTF T&Cs; and
 - (d) to authorize HLB to disclose their personal data i.e. correspondence/email addresses and/or contact numbers to the authorized 3rd party service provider, e.g. Compugraphic Media Sdn Bhd (200001002485 (505090-W)), Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) and/or DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) as HLB deems fit for the purpose of sending letter, email and/or SMS for the BT OTF applications.
19. HLB reserves the right:
- (a) to reject the BT OTF application submitted by the Eligible Cardholders with assigning reasons for doing so;
 - (b) to disqualify any Eligible Cardholders from applying for BT OTF with assigning reasons for doing so; and
 - (c) to add, delete, suspend or vary the BT OTF T&Cs contained herein, either wholly or in part at HLB's discretion, by way of posting on HLB's Website, or in any manner deemed suitable by HLB at any time with prior notice.
20. In addition to the terms stipulated above, the Eligible Cardholders agree that the general terms and conditions in the Agreement shall be read together with these BT OTF T&Cs as an entire agreement. In the event of any discrepancies between these BT OTF T&Cs and the general terms and conditions contained in the Agreement, the specific BT OTF T&Cs herein above shall prevail to the extent of such discrepancies.
21. In the event of any discrepancies between the BT OTF T&Cs herein and any advertising, publicity and other materials relating to or in connection with BT OTF, the final BT OTF T&Cs on HLB's Website shall prevail.
22. The BT OTF T&Cs herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Eligible Cardholders agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

BAKI PINDAHAN FI SEKALI

Dikemas kini pada 15 Julai 2021

Terma dan Syarat Baki Pindahan Fi Sekali (Balance Transfer One-Time Fee) ("**T&S BT OTF**") ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad ("**Perjanjian**") Hong Leong Bank (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**").

TERMA DAN SYARAT

Berikut adalah T&S BT OTF yang berkenaan.

KELAYAKAN

1. Baki Pindahan Fi Sekali (Balance Transfer One-Time Fee) ("**BT OTF**") ini terbuka untuk pemegang kad utama kad kredit HLB ("**Kad Kredit**") sedia ada dengan akaun Kad Kredit yang mempunyai reputasi baik dan/atau tidak tertunggak ("**Pemegang Kad Layak**").
2. Pemegang kad berikut **TIDAK** layak untuk permohonan BT OTF:
 - (b) Pemegang kad utama yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (20050109144 (686191-W)) ("**HLISB**"); atau
 - (c) Pemegang kad utama yang telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh mana-mana bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas permohonan BT OTF.
3. HLB berhak untuk membatalkan penyertaan Pemegang Kad Layak daripada memohon BT OTF jika akaun Kad Kredit mereka disekat atau ingkar.

MEKANIK

4. BT OTF membenarkan Pemegang Kad Layak memindahkan baki kad kredit mereka dari bank-bank lain ke akaun Kad Kredit HLB mereka; atau mengkreditkan **Amaun BT OTF Diluluskan** (ditakrifkan dalam Klausula 5 di bawah) ke akaun semasa atau simpanan peribadi mereka ("**CASA**") yang diselenggarakan dengan HLB atau dengan bank-bank lain di Malaysia melalui InterBank GIRO ("**IBG**").
5. Amaun minimum untuk permohonan BT OTF adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah ("**Amaun Minimum BT OTF**") dan amaun maksimum adalah 90% daripada had kredit sedia ada pada Pemegang Kad Layak, tertakluk kepada kelulusan HLB. Amaun yang diluluskan dalam program BT OTF adalah dirujuk sebagai "**Amaun BT OTF Diluluskan**".
6. Sekiranya HLB meluluskan permohonan Pemegang Kad Layak, Amaun BT OTF Diluluskan akan dipindahkan ke akaun BT OTF Pemegang Kad Layak ("**Akaun BT OTF**").
7. Pemegang Kad Layak tidak akan diberikan mata ganjaran atau rebat tunai untuk program BT OTF.
8. "**Pelan BT OTF**" yang tersedia dan "**Tempoh Pembayaran BT OTF**", "**Amaun Minimum BT OTF**", "**Kadar BT OTF**" dan "**Kadar Faedah BT OTF**" adalah seperti ditakrifkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Pelan BT OTF	Tempoh Pembayaran BT OTF	Amaun Minimum BT OTF	Kadar BT OTF	Kadar Faedah BT OTF
A	6 bulan	RM1,000	3%	0% setahun
B	12 bulan		5%	

9. Permohonan BT OTF boleh dibuat secara atas talian melalui HLB Connect Online Banking, Aplikasi HLB Connect, Cawangan HLB dan saluran-saluran lain yang diberitahu sebaliknya. Pemegang Kad Layak akan diberitahu sama ada melalui surat, e-mel dan/atau Sistem Pesanan Ringkas ("**SMS**") berdasarkan alamat surat-menyurat/e-mel dan nombor telefon yang tertera dalam sistem HLB apabila permohonan BT OTF mereka telah diluluskan.
10. Setelah permohonan BT OTF diluluskan, bayaran pendahuluan sekali sahaja ("**Fi Sekali**") akan dibilkan ke Akaun BT OTF Pemegang Kad Layak dan akan ditunjukkan dalam panyata Kad Kredit bulan berikutnya. Fi Sekali dikira berdasarkan formula berikut:

Amaun BT OTF Diluluskan X Kadar BT OTF untuk Pelan BT OTF dipilih

11. Had kredit sedia ada pada Pemegang Kad Layak akan dikurangkan setara dengan Amaun BT OTF Diluluskan. Had kredit sedia ada akan dipulihkan secara progresif apabila Pemegang Kad Layak membayar balik Amaun BT OTF Diluluskan menurut Tempoh Pembayaran BT OTF yang dipilih seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas. HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang transaksi Kad Kredit yang ditolak oleh peniaga-peniaga akibat daripada had kredit yang tidak mencukupi.
12. Setelah tamat Tempoh Pembayaran BT OTF, sebarang Baki Tertunggak dalam Akaun BT OTF akan dikenakan faedah sebanyak 18% setahun yang dikira atas dasar harian sehingga tarikh pembayaran penuh.
13. Pemegang Kad Layak perlu membuat Pembayaran Minimum mengikut tarikh akhir pembayaran yang dinyatakan di dalam penyata bulanan Kad Kredit. "**Pembayaran Minimum**" ditakrifkan sebagai:
 - (a) 5% daripada Baki Tertunggak di dalam Akaun BT OTF dan akaun Kad Kredit yang dibilkan ke dalam penyata bulanan Kad Kredit masing-masing; atau
 - (b) Ringgit Malaysia Lima puluh (RM50) yang mana lebih tinggi.

Untuk mengelakkan keraguan, "**Baki Tertunggak**" bermaksud baki yang belum dijelaskan termasuk yuran, faedah terakru, caj kewangan dan caj-caj lain.
14. Sekiranya Pemegang Kad Layak gagal membuat Pembayaran Minimum, caj pembayaran lewat sebanyak 1% akan dikenakan atas Baki Tertunggak seperti yang ditunjukkan dalam penyata akaun Kad Kredit dan Akaun BT OTF, tertakluk kepada minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), atau maksimum Ringgit Malaysia Seratus (RM100), yang mana lebih tinggi.
15. Apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut:
 - (a) Pemegang Kad Layak melanggar mana-mana T&S BT OTF serta terma dan syarat dalam Perjanjian;
 - (b) Akaun Kad Kredit dan/atau Akaun BT OTF Pemegang Kad Layak ingkar selama sembilan puluh (90) hari ke atas; dan/atau
 - (c) Akaun Kad Kredit dan/atau Akaun BT OTF Pemegang Kad Layak dibatalkan atau ditamatkan sebelum tamat Tempoh Pembayaran BT OTF,

Baki Tertunggak daripada Amaun BT OTF Diluluskan akan serta-merta menjadi terhutang dan perlu dibayar. Pemegang Kad Layak hendaklah menyelesaikan Baki Tertunggak tersebut dengan segera. Jika tidak, Kadar Faedah BT OTF yang diluluskan akan ditarik balik dan faedah sebanyak 18% setahun akan dikenakan setiap hari atas Baki Tertunggak dalam Akaun BT OTF sehingga tarikh pembayaran penuh. Kecuali jika BT OTF yang dimohon melalui Kad Hong Leong Platinum Business, Baki Tertunggak akan diperlakukan sebagai amaun daripada transaksi runcit di mana caj kewangan yang dikenakan adalah berdasarkan Struktur Harga Mengikut Kumpulan.

16. Sementara menunggu kelulusan permohonan BT OTF, Pemegang Kad Layak hendaklah terus bertanggungjawab untuk membuat pembayaran kepada akaun-akaun kad kredit atau kad caj mereka yang diselenggarakan oleh institusi kewangan dan/atau syarikat masing-masing selaras dengan syarat-syarat yang tertakluk. HLB tidak akan bertanggungjawab kepada faedah atas pembayaran tertunggak dan/atau sebarang caj kewangan yang dikenakan akibat daripada kegagalan atau kelewatan Pemegang Kad Layak dan/atau HLB dalam membuat pembayaran ke akaun kad kredit atau kad caj yang diselenggarakan oleh institusi dan/atau syarikat yang masing-masing.
17. Tertakluk kepada klausa-klausa di atas dan jumlah had kredit yang ditetapkan pada akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak, Pemegang Kad Layak boleh membuat permohonan BT OTF yang kedua tertakluk kepada kelulusan HLB, terma dan syarat HLB serta kadar standard BT OTF HLB.

AM

18. Pemegang Kad Layak bersetuju:
 - (a) untuk membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S BT OTF di sini;
 - (b) bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara berkaitan dengan BT OTF adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pemegang Kad Layak;
 - (c) untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") secara kerap untuk menyemak T&S berkenaan dengan product dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S BT OTF; dan
 - (d) Memberi kuasa kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi iaitu alamat surat-menyurat/ e-mel dan/atau nombor hubungan kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dibenarkan, contohnya Compugraphic Media Sdn Bhd (200001002485 (505090-W)), Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) sebagaimana yang dianggap sesuai oleh HLB bagi menghantar surat, e-mel dan/atau SMS untuk tujuan permohonan BT OTF.
19. HLB berhak:
 - (a) untuk menolak permohonan BT OTF yang dikemukakan oleh Pemegang Kad Layak dan memberikan sebab-sebab untuk berbuat demikian;
 - (b) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak daripada memohon BT OTF dan memberikan sebab-sebab untuk berbuat demikian; dan
 - (c) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S BT OTF yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB melalui paparan di Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu.
20. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian hendaklah dibaca bersama dengan T&S BT OTF ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S BT OTF ini dengan terma dan syarat am yang terkandung di dalam Perjanjian, terma and syarat khusus BT OTF di sini akan diguna pakai setakat perbezaan tersebut.
21. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S BT OTF di sini berbanding dengan mana-mana bahan pengiklanan, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubungan dengan BT OTF, T&S BT OTF di dalam Laman Web HLB adalah muktamad dan hendaklah diutamakan.
22. T&S BT OTF ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.